

Najib: Kita kesal pihak persenda wira negara
The Malaysian Insider
29 Ogos, 2011

KUALA LUMPUR, 29 Ogos – Datuk Seri Najib Razak mengecam sekeras-kerasnya sebarang pernyataan dan usaha oleh mana-mana pihak yang ingin mempersenda atau memperlekehkan pengorbanan mulia para wirawan dan wirawati negara serta keluarga mereka.

“Dalam syiar meriahnya perayaan dan besarnya jiwa kemerdekaan, saya menyeru kepada semua agar tidak sekali-kali melupakan pengorbanan, darah, keringat dan air mata bapa-bapa kita para pejuang kemerdekaan negara serta anggota pasukan keselamatan negara dari dahulu hingga sekarang.

“Kita berasa kesal kerana mereka sebaliknya pula memperagungkan Parti Komunis Malaya yang anti-Tuhan, antiagama dan antinasional,” katanya dalam perutusan khas Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan Ke-54.

Seruan beliau berikutan kenyataan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu baru-baru ini yang memperkecilkan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan dan memperagungkan penganas komunis.

Perdana Menteri (gambar) juga mengingatkan apa yang telah dikecapi kini semuanya tidak terjelma dengan berwenang-wenang ataupun kekal bestari jika bahtera keramat kemerdekaan Malaysia tercinta ini terbiar hanyut tidak dikemudi dengan tulus, tidak dihargai dan musnah tanpa dipelihara.

“Jadi, di atas segala-galanya, bagi memastikan apa yang terlimpah dan tercurah ke atas kita dan bumi Malaysia kekal berkesinambungan, maka perpaduan nasional perlu terus dibajai dan diperkukuhkan.

“Mudah-mudahan jua atas keinsafan ini makin tersepuh dan menebal semangat patriotisme dan kecintaan yang kukuh kepada pertiwi di setiap sanubari kita,” katanya dipetik Bernama Online.

“Beliau berkata sempena perayaan Aidilfitri dan kehangatan menyambut Hari Kemerdekaan pada Rabu ini, membawa permaknaan dan pengertian yang mendalam tentang betapa besarnya kurniaan Ilahi Malaysia yang makmur serta bebas dari sebarang ancaman dan kebimbangan terhadap keselamatan mereka,” katanya.

Najib berkata kedua-dua perayaan itu mempunyai signifikan begitu besar kepada negara yang mempunyai kemajmukan amat kompleks seperti Malaysia di mana bukan sahaja wujud perbezaan daripada segi etnik tetapi juga teranyam indah dengan kepelbagaian agama, budaya, bahasa dan taraf sosioekonomi.

“Hakikatnya bahawa, Malaysia telah dan sedang dirahmati nikmat keamanan juga kemakmuran tidak mampu disangkal oleh mana-mana pihak,” katanya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-kita-kesal-pihak->

persenda-wira-negara/